

07 SEP 1997

Asean-Matawang

ASEAN BERPENDIRIAN BERSAMA BERHUBUNG ISU MATAWANG

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Para menteri kewangan Asean akan mengambil pendirian bersama berhubung serangan manipulatif terhadap matawang serantau sebelum menghadiri mesyuarat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)/Bank Dunia di Hong Kong akhir bulan ini.

Pendirian tersebut akan diambil ketika mesyuarat para menteri kewangan Asia-Eropah yang akan berlangsung di Bangkok pada 18 dan 19 Sept ini, kata Timbalan Perdana Menteri Thailand Korn Dabbaransi kepada pemberita selepas menemui rakan sejawatannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Pusat Dangan Dunia Putra (PWTC) di sini, tempat berlangsungnya Perhimpunan Agung UMNO, hari ini.

"Kita akan bermesyuarat sesama sendiri terlebih dahulu di Bangkok dan mengambil pendirian terhadap isu matawang. Kita akan membuat keputusan mengenai kedudukan Asean," kata Korn merangkap menteri industri Thailand.

Korn yang juga Pengerusi Persatuan Badminton Thailand berada di sini untuk menghadiri mesyuarat agung tahunan Persekutuan Badminton Asia dan beliau dengan sebulat suara telah dipilih sebagai Presiden baru persekutuan itu.

Malaysia telah menyalahkan "manipulator" asing dalam soal susut nilai matawang di rantau ini kerana dikatakan bertindak balas terhadap penerimaan masuk Myanmar ke pangkuan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Asean).

Mengenai kemungkinan Myanmar tersingkir dari mesyuarat kedua Asia-Eropah (ASEM) di London tahun depan, Korn berkata Myanmar tidak seharusnya diketepikan.

"Kami (Asean) akan membincangkan bersama perkara ini dan akan mengambil pendirian bersama," katanya.

Thailand percaya bahawa Myanmar, yang menyertai Asean bersama-sama Laos pada Julai, harus dibawa ke masyarakat dunia.

ASEM telah mengadakan mesyuarat sulungnya di Bangkok tahun lepas yang disertai Asean, 15 negara anggota Kesatuan Eropah (EU) serta tiga negara besar Asia iaitu Korea Selatan, China dan Jepun.

Ditanya sama ada Thailand akan memulaukan ASEM sekiranya Yangon tersingkir, beliau berkata Bangkok belum lagi memutuskan tentang perkara itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah membayangkan bahawa beliau mungkin tidak akan menghadiri mesyuarat tersebut sekiranya EU berkeras mahu Myanmar disingkirkan. -- BERNAMA

AD/SHO/AZZ MA